



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	02.08.22	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	JKPTG			



“Tambahkan 100 kakitangan ini akan membantu 240 kakitangan BPP JKPTG sedia ada di seluruh negara untuk menyelesaikan kes tertunggak mengikut sasaran kita, iaitu dalam masa tiga bulan”

Ali Biju,
Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli

Ibadat & Fadilat

Daripada Jabir RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda:
“Perbandingan solat lima waktu seperti air sungai mengalir, melimpah ruah pada pintu rumah seseorang yang dia mandi lima kali pada setiap hari.”
(HR Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:01	1:27	4:47	7:38	8:51
Alor Setar	6:01	1:27	4:47	7:38	8:51
P. Pinang	6:03	1:27	4:47	7:37	8:50
Ipoh	6:02	1:25	4:45	7:33	8:46
Kuala Lumpur	6:01	1:22	4:43	7:30	8:42
Shah Alam	6:01	1:22	4:43	7:30	8:42
Johor Bahru	5:55	1:14	4:35	7:18	8:31
Kuantan	5:56	1:17	4:38	7:23	8:36
Seremban	6:00	1:21	4:42	7:26	8:39
Bandar Melaka	6:00	1:20	4:41	7:25	8:38
Kota Bharu	5:54	1:20	4:40	7:30	8:39
K. Terengganu	5:52	1:16	4:36	7:25	8:38
Kota Kinabalu	5:01	12:26	3:46	6:35	7:48
Kuching	5:29	12:49	4:10	6:54	8:06

Kakitangan tambahan selesai kes harta pusaka tertunggak

Putrajaya: Kedah dan Selangor muncul negeri merekodkan tunggakan kes pembahagian harta pusaka tertinggi yang keseluruhannya kini mencecah 72,348 kes di seluruh negara.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Ali Biju, berkata Kedah mencatatkan 13,423 kes pembahagian harta pusaka tertunggak, manakala Selangor pula sebanyak 10,358 kes.

Bagi menyelesaikan kes tertunggak itu, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) telah menambah baik Sistem Pengurusan Tanah Persekutuan dan Pembahagian Pusaka (MyeTaPP), selain memohon tambahan 100 kakitangan secara kontrak daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Katanya, kakitangan lantikan secara kontrak itu untuk ditempatkan di Bahagian Pembahagian Pusaka (BPP), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) di negeri-negeri dengan kes pembahagian harta pusaka tertunggak tertinggi sebagai penyelesaian jangka pendek.

“Tambahkan 100 kakitangan ini akan membantu 240 kakitangan

BPP JKPTG sedia ada di seluruh negara untuk menyelesaikan kes tertunggak mengikut sasaran kita, iaitu dalam masa tiga bulan,” katanya.

Bercakap pada sidang media selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Pentadbiran Tanah sempena Sambutan Hari Tanah Negara 2022 di sini semalam, Ali berkata, jumlah kes tertunggak yang tinggi juga disebabkan pandemik COVID-19.

Lantik 100 kakitangan

Bellau menjangkakan kes berkenaan dapat diselesaikan dengan lantikan 100 kakitangan kontrak selama tiga tahun itu, sebahagiannya dalam Gred N41 dan N19 yang dijangka memulakan tugas sebelum hujung tahun ini.

Sementara itu, Ali memaklumkan, penambahbaikan MyeTaPP dilakukan untuk memastikan pentadbiran tanah sentiasa relevan dengan mengambil kira keperluan semua pihak berkepentingan serta sentiasa kekal berdaya maju menerusi adaptasi teknologi terkini.

Mengenai draf pindaan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembaha-

gian) 1955 (Akta 98) pula, beliau berkata, ia sudah dihantar kepada Jabatan Peguam Negara pada 24 Jun lalu untuk disemak sebelum dikuatkuasakan tidak lama lagi.

Pindaan Akta 98 diluluskan di Parlimen pada Disember lalu dan mendapat perkenan Yang Di-Pertuan Agong untuk diwarat dan dikuatkuasakan.

Pindaan melibatkan skop mewujudkan tafsiran dan peruntukan baharu meliputi bidang kuasa penyelesaian harta pusaka kecil yang lebih meluas serta menyediakan pelbagai alternatif untuk memberi kemudahan kepada rakyat dalam pengurusan permohonan pembahagian harta pusaka kecil.

“Penguatkuasaan pindaan Akta 98 ini dijangka meningkatkan jumlah kes diterima BPP JKPTG daripada purata 60,000 kes setahun sedia ada kepada 120,000,” kata Ali.

Dalam perkembangan lain, beliau memaklumkan, Sistem e-Tanah yang mula dilaksanakan di Kuala Lumpur pada 2017 akan diperluaskan secara kerjasama sektor awam ke tujuh negeri lain dalam masa terdekat.

BH020822_2

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSA Malaysia



KeTSA Malaysia



ketsa.malaysia